



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**FAKTOR EKSTRALINGUISTIK PENCAPAIAN BAHASA MELAYU
DALAM KALANGAN MURID CINA**

MASITAH BINTI MUHAMMADIN

FBMK 2018 97



**FAKTOR EKSTRALINGUISTIK PENCAPAIAN BAHASA MELAYU DALAM
KALANGAN MURID CINA**

Oleh

MASITAH BINTI MUHAMMADIN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Julai 2018

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan untuk Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

FAKTOR EKSTRALINGUISTIK PENCAPAIAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID CINA

Oleh

MASITAH BINTI MUHAMMADIN

Julai 2018

Pengerusi : Rohaidah Kamaruddin, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian yang ingin dijalankan oleh pengkaji dalam pengaruh ekstralinguistik motivasi dalam pencapaian bahasa Melayu (BM) di sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) telah banyak dijalankan. Walau bagaimanapun, kajian tentang faktor ekstralinguistik motivasi yang paling dominan samada intrinsik ataupun ekstrinsik yang mempengaruhi pencapaian BM dalam kalangan murid Cina di SJKC masih berkurangan. Hal yang demikian, penyelidikan ini merincikan pengaruh faktor ekstralinguistik dalam pencapaian BM murid Cina di SJKC Chung Hwa, Besut, Terengganu. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor ekstralinguistik iaitu motivasi yang paling dominan samada motivasi intrinsik ataupun motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi pencapaian BM murid Cina. Teori yang digunakan ialah Teori Gardner (2005). Menurut teori ini, kebolehan dan motivasi merupakan dua faktor penting yang mempunyai pertalian dengan pencapaian di sekolah. Kajian ini menggunakan soal selidik *The Attitude Motivation Test Battery* (AMTB) oleh Gardner 2005 yang telah disesuaikan dengan objektif kajian ini. Penganalisan data dilakukan secara kualitatif dan kuantitatif. Kualitatif iaitu melalui pemerhatian di dalam kelas dan temu bual dengan guru yang mengajar BM. Kuantitatif pula peratusan data yang diperoleh melalui soal selidik yang telah diisi oleh responden. Kajian ini dijalankan ke atas sekolah rendah yang berada di kawasan bandar. Responden kajian pula terdiri daripada 40 orang murid Cina darjah 3 di SJKC Chung Hwa. Dapatan kajian menunjukkan responden lebih bermotivasi ekstrinsik berbanding motivasi intrinsik. Motivasi ekstrinsik iaitu faktor instrumental seperti mengharapkan ganjaran yang berbentuk hadiah, pujian, penggredan dan sebagainya telah menyebabkan responden berminat untuk menguasai BM sebagai B2. Hasil kajian diharapkan dapat memberikan gambaran yang menyeluruh berkaitan kepentingan motivasi terhadap penguasaan BM terutamanya terhadap murid yang bukan Melayu agar lebih memahami dan meminati BM sebagai B2 mereka serta menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih seronok dan inovatif.

Kata Kunci: ekstralinguistik, motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik, Teori Gardner

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements of the degree of Master of Arts

THE EXTRALINGUISTIC FACTORS OF MALAY LANGUAGE ACHIEVEMENT AMONG CHINESE STUDENTS

By

MASITAH BINTI MUHAMMADIN

July 2018

Chairman : Rohaidah Kamaruddin, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

The research that the researcher intends to perform in extralinguistic study is by looking at the achievement of Malay language (BM) in Chinese school (SJKC) has been conducted in many researchers. However, the study of the most dominant factor of motivational, whether intrinsic or extrinsic that affects the achievement of BM among Chinese students in SJKC is still lacking. In this regard, this study outlines the extralinguistic factors in the achievement of BM among Chinese students at SJKC Chung Hwa, Besut, Terengganu. The purpose of this study is to identify the extralinguistic factors that are the most dominant motivation, whether intrinsic motivation or extrinsic motivation that affects the achievement of BM Chinese students. The theory used is Gardner's Theory (2005) which explains that the ability and motivation are two important factors that are related to the excellent achievement of the second language in the school. This research uses the Attitude Motivation Test Battery (AMTB) questionnaire by Gardner 2005 which has been adapted to the objectives of this study. Data analysis is done qualitatively and quantitatively. Qualitative is through observation in the classroom and interviews with teachers that teach BM. Quantitative result is use to find percentage of data obtained through the questionnaire filled by respondents. This study was conducted on primary schools in Jerteh city. Respondents of the study are 40 students of 9 years olds from SJKC Chung Hwa. The findings showed that respondents were more motivated to be extrinsic than intrinsic motivation. Extrinsic motivation is an instrumental factor such as expecting rewards in the form of gifts, praise, grading and so on that has caused respondents to be interested in mastering BM as second language. The results of the study are expected to provide a comprehensive picture of the importance of motivation towards the mastery of the BM especially for non-Malay students to better understand and love BM as their second language and to make teaching and learning more fun and innovative.

Keywords: extralinguistics, intrinsic motivation, extrinsic motivation, Gardner's Theory

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S. W. T, Pemilik sekian alam,

Selawat dan salam ke atas junjungan mulia, Rasulullah S. A. W,

Syukur ke hadrat Ilahi kerana memudahkan penulisan ini sehingga menemui noktah akhirnya. Sokongan dan dorongan ibu bapa, penyelia, pensyarah serta sahabat seperjuangan yang memotivasikan lagi usaha menyempurnakan kajian ilmiah ini. Ilmu dan tunjuk ajar daripada penyelia dan pensyarah memberikan pencerahan dan panduan kea rah penulisan yang lebih baik. Perkongsian serta pertukaran pendapat antara sahabat juga menjanakan penghasilan idea yang bermanfaat dan digunakan dalam penulisan ilmiah ini.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Dr. Rohaidah Kamaruddin selaku penyelia tesis dan Prof. Madya Dr. Noor Aina Dani selaku ahli jawatankuasa penyelia tesis atas ilmu dan tunjuk ajar yang diberikan selama ini. Pandangan dan dorongan yang diberikan bukan sahaja bermanfaat bagi kajian ini, malah akan disemat dalam ingatan sebagai pedoman pada masa hadapan.

Semoga usaha dalam menghasilkan kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada dunia bahasa serta individu yang berkaitan. Moga keberkatan Ilahi turut diperoleh dan kajian ini dapat dimanfaatkan bersama-sama.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Sarjana. Ahli Jawatankuasa Penyelesaian adalah seperti berikut:

Rohaidah Kamaruddin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Noor Aina Dani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Ijazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Masitah Binti Muhammadin (GS46024)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah universiti putra malaysia (pengajian siswazah) 2003 (semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI CARTA	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.1.1 Motivasi dari Sudut Pembelajaran Bahasa Kedua	2
	1.1.2 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua di SJKC	2
	1.2 Pernyataan Masalah	4
	1.3 Persoalan Kajian	6
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Kepentingan Kajian	6
	1.6 Skop Kajian	7
	1.7 Definisi Operasional	7
2	SOROTAN LITERATUR	9
	2.1 Pengenalan	9
	2.2 Kajian Tentang Teori Motivasi Robert C. Gardner (2005) dalam Rohaidah Kamaruddin (2012)	9
	2.3 Kajian Tentang Faktor Ekstralinguistik	13
	2.4 Pengaruh Faktor Ekstralinguistik pada Kebolehfahaman Bersama Beberapa Hasil Awal daripada Penutur Denmark dan Sweden oleh Anja Schuppert, Charlotte Gooskens (2011)	15
	2.5 Kajian Tentang Pembelajaran Bahasa Melayu Terhadap Penutur Bukan Melayu	15
	2.6 Kajian tentang motivasi	17
	2.7 Kajian tentang Bahasa Kedua	20
	2.8 Perkaitan antara Sorotan Kajian dengan Kajian Penyelidik	21
3	METODOLOGI	23
	3.1 Pengenalan	23
	3.2 Kerangka Teori	23
	3.2.1 Teori Motivasi	23
	3.3 Kerangka Konseptual	25
	3.4 Tempat Kajian	26
	3.5 Populasi dan Persampelan Kajian	26
	3.6 Kaedah Kajian	27
	3.6.1 Kaedah Tinjauan Lapangan	27
	3.7 Pendekatan Kajian	28
	3.8 Alatan Kajian	28
	3.8.1 Soal Selidik	28

3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	29
3.9.1	Soal Selidik	29
3.10	Kajian Rintis	29
3.11	Prosedur Kajian	29
3.12	Penganalisan Data	31
4	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	32
4.1	Pengenalan	32
4.2	Profil Responden	32
4.3	Profil Pencapaian Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua Responden	32
4.4	Objektif 1: Mengenal Pasti Faktor Ekstralinguistik yang Mempengaruhi Pencapaian BM Murid Cina	35
4.4.1	Faktor instrumental	37
4.4.2	Faktor integratif	37
4.4.3	Faktor Proses Pengajaran dan Pembelajaran	38
4.4.4	Faktor Sikap Pelajar dalam Mempelajari Bahasa Kedua	39
4.4.5	Faktor Motivasi Ekstrinsik yang Mempengaruhi Pencapaian BM Responden	40
4.4.5.1	Motivasi Ekstrinsik	40
4.4.6	Faktor Motivasi Intrinsik yang Mempengaruhi Pencapaian BM Responden	45
4.4.6.1	Motivasi Instrinsik	45
4.5	Objektif ii: Menganalisis Jenis Faktor Ekstralinguistik Motivasi yang Paling Dominan dalam Mempengaruhi Pencapaian BM Pelajar yang Dikaji	51
4.5.1	Motivasi Ekstrinsik	51
4.5.2	Motivasi Intrinsik	56
4.6	Kesimpulan	59
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	61
5.1	Pengenalan	61
5.2	Rumusan Faktor Ekstralinguistik yang Dominan	61
5.2.1	Motivasi Ekstrinsik	61
5.2.1	Motivasi Intrinsik	61
5.3	Rumusan Rasional Teori Motivasi	62
5.4	Cadangan-cadangan untuk Meningkatkan Tahap Penguasaan BM Murid Cina	62
5.4.1	Peranan Guru	62
5.4.2	Peranan Kementerian Pendidikan	63
5.5	Cadangan Penyelidikan Selanjutnya	63
	RUJUKAN	65
	LAMPIRAN	70
	BIODATA PELAJAR	78
	SENARAI PENERBITAN	79

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Populasi Responden	26
2	Taburan Peratusan Markah Bahasa Melayu Responden	33
3	Faktor Ekstralinguistik dengan Pencapaian Bahasa Melayu Responden	36
4	Motivasi Ekstrinsik Soalan 1	41
5	Motivasi Ekstrinsik Soalan 2	42
6	Motivasi Ekstrinsik Soalan 3	43
7	Motivasi Ekstrinsik Soalan 4	44
8	Motivasi Ekstrinsik Soalan 5	45
9	Motivasi Intrinsik Soalan 1	46
10	Motivasi Intrinsik Soalan 2	47
11	Motivasi Intrinsik Soalan 3	48
12	Motivasi Intrinsik Soalan 4	49
13	Motivasi Intrinsik Soalan 5	50
14	Motivasi Ekstrinsik	51
15	Motivasi Intrinsik	56

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Model Sosio-Pendidikan Pengambilalihan Bahasa Kedua	10
2	Model Sosio-Pendidikan	11
3	Model Sosio-Pendidikan	24
4	Kerangka Konseptual	25
5	Model Sosio-Pendidikan	36
6	Proses Komunikasi Guru dan Pelajar	39

SENARAI CARTA

Carta		Halaman
1	Graf Jumlah Responden mengikut Kemampuan Prestasi	33
2	Motivasi Ekstrinsik Soalan 1	41
3	Motivasi Ekstrinsik Soalan 2	42
4	Motivasi Ekstrinsik Soalan 3	43
5	Motivasi Ekstrinsik Soalan 4	44
6	Motivasi Ekstrinsik Soalan 5	45
7	Motivasi Intrinsik Soalan 1	46
8	Motivasi Intrinsik Soalan 2	47
9	Motivasi Intrinsik Soalan 3	48
10	Motivasi Intrinsik Soalan 4	49
11	Motivasi Intrinsik Soalan 5	50
12	Peratusan Motivasi Ekstrinsik dalam Pencapaian BM	51
13	Peratusan Motivasi Intrinsik dalam Pencapaian BM	56

SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
B2	Bahasa Kedua
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
BPK	Bahagian Perkembangan Kurikulum
AMTB	Attitude Motivation Battery Test
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcara



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Ekstralinguistik ialah situasi kebahasaan diluar lingkungan linguistik, akan tetapi dalam pembelajaran bahasa, unsur ekstralinguistik tetap diambil kira kerana dapat memberi maklumat tentang motivasi, emosi, sikap, personaliti dan yang seumpamanya, yang terbukti membantu seseorang pelajar menguasai bahasa tertentu (Schmidt, 2010).

Menurut *The Free Dictionary* (2010), kata 'ekstralinguistik' membawa maksud pengetahuan bersama yang diperlukan untuk memahami sesuatu percakapan atau sebutan. Dalam kajian ini, pengkaji mengandaikan bahawa motivasi dapat mempengaruhi pembelajaran BM sebagai bahasa kedua (B2) dalam kalangan murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Chung Hwa Jerneh, Besut, Terengganu.

Penguasaan bahasa pertama dan B2 mempunyai cara yang berbeza. Pemerolehan semulajadi yang melibatkan keadaan mental itu berada pada situasi yang tidak sedar dan tidak dirancang seperti cara bayi memperoleh bahasa ibundanya adalah cara penguasaan bahasa pertama. B2 pula diperolehi dalam bentuk pembelajaran bahasa baru yang dirancang dengan proses yang sengaja sifatnya.

Kecenderungan diri sendiri untuk menguasai sesuatu bahasa menjadi penyebab utama seseorang itu berjaya. Pelbagai usaha akan dijalankan oleh pelajar yang berfikiran positif apabila mereka sedar akan kepentingan penguasaan terhadap sesuatu bahasa. Walau bagaimanapun, tanpa kesediaan belajar tidak akan memungkinkan seseorang itu untuk menguasai bahasa sasaran dengan baik. Thorndike (1932) dalam Kamaruddin Hussin (1993), yang mengutarakan prinsip kesediaan belajar berpendapat bahawa proses pembelajaran itu akan menjadi lebih berkesan sekiranya sudah wujud kesediaan dalam diri murid-murid untuk menerimanya. Pembelajaran itu tidak boleh dipaksa jika belum sampai masanya, dan sekiranya dilakukan juga, ia tidak akan menghasilkan sesuatu yang baik dan sempurna. Kesediaan yang dimaksudkan ialah kesediaan kognitif, kesediaan afektif dan kesediaan psikomotor.

Bernard, H.W. (1965) dalam Kamaruddin Hussin (1993), menyatakan bahawa pengawalan dan pengendalian minat terhadap sesuatu bahasa digerakkan oleh motivasi. Motivasi juga menjadi elemen utama dalam menentukan penglibatan peribadi secara aktif sehingga memperoleh kejayaan dalam penguasaan B2 (Oxford & Shearin 1994). Hasil kajian mendapati pencapaian pelajar dalam pembelajaran B2 banyak disumbangkan melalui elemen motivasi (Lightbown & Spada 1999). Antaranya kajian Siti Sukainah et al. (2014) menyatakan motivasi merupakan elemen yang penting

dalam menentukan kejayaan pelajar untuk menguasai bahasa sasaran. Oleh itu, faktor-faktor yang membentuk motivasi adalah penting untuk kita ketahui.

Motivasi muncul sebagai satu entiti hasil daripada pelbagai faktor (*multi factorial*) dan tahapnya boleh berubah dari semasa ke semasa. Menurut Noels (2002), terdapat dua kategori yang membentuk motivasi iaitu yang pertama ialah orientasi dalaman (*intrinsic orientations*) yang bermaksud kepuasan dan rasa seronok sama ada kerana pengembangan ilmu pengetahuan, pencapaian diri atau memperoleh pengalaman yang mengembirakan. Kedua ialah orientasi luaran (*extrinsic orientations*) yang berlaku setelah mendapat pulangan luaran seperti mendapat ijazah, pekerjaan, hadiah dan sebagainya. Motivasi sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana dapat menentukan kecemerlangan seseorang pelajar.

1.1.1 Motivasi dari Sudut Pembelajaran Bahasa Kedua

Gardner (1985) menyatakan kombinasi usaha dan keinginan untuk mencapai matlamat dalam pembelajaran bahasa dan sikap yang baik terhadap pembelajaran bahasa merupakan konsep motivasi mengikut konteks pembelajaran B2. Selain itu, konsep ini juga merujuk kepada proses seseorang individu menjalani aktiviti atau bekerja serta berusaha untuk mempelajari B2 kerana keinginannya untuk melakukan dan pengalaman merasa kepuasan setelah melakukan hal tersebut. Terdapat tiga komponen utama motivasi yang dikemukakan oleh Gardner (1985) iaitu keinginan untuk mencapai tujuan, keupayaan bagi mencapai matlamat dan kepuasan setelah tugas berjaya diselesaikan. Oleh itu, dalam menilai tahap dan kekuatan motivasi pembelajaran B2, ketiga-tiga komponen ini merupakan unsur yang terpenting yang harus ada dalam diri individu yang ingin mempelajari B2.

Perubahan dinamik kepada rangsangan terkumpul yang mencetus, mengarah, mengkoordinasi, mengganda, menghapus dan menilai proses motor serta kognitif seseorang untuk memilih sesuatu kehendak dan keinginan atau mengutamakan atau melaksanakannya, dan seterusnya kejayaan atau kegagalan akan terhasil sebagai output merupakan definisi motivasi yang dijelaskan oleh Dornyei dan Otto (1998). Oleh itu, jelaslah bahawa motivasi dalam mempelajari B2 berfokus kepada sistem yang bertindak sebagai enjin yang menggerakkan diri seseorang untuk berusaha mempelajari sesuatu bahasa.

1.1.2 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua di SJKC

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, BM menjadi mata pelajaran wajib di sekolah rendah dan juga di sekolah menengah. Oleh hal yang sedemikian, semua murid SJKC dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) haruslah mempelajari BM sebagai B2 rasmi secara formal, bermula dari tahun 1 sehingga tahun 6 selaras dengan matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (Undang-Undang Parlimen-Perlembagaan Persekutuan 1957, Perkara 152(1)). Terdapat banyak usaha yang dilaksanakan untuk memartabatkan BM supaya menjadi bahasa yang berfungsi dalam kalangan kaum yang bukan penutur jati BM di Malaysia. Walau bagaimanapun, pencapaian BM murid Cina

di SJKC Chung Hwa berada pada tahap sederhana sahaja memandangkan mereka tidak dapat melepaskan diri daripada kongkongan bahasa ibunda.

Kumpulan murid Cina di SJKC Chung Hwa terdiri daripada murid Cina dan murid Siam campur Cina yang menjadi responden kajian ini menggunakan bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Mandarin sejak mula bertutur dan kebanyakan ahli keluarga mereka juga tidak menggunakan BM dalam pertuturan. Pelbagai bahasa yang dituturkan oleh mereka antaranya ialah Mandarin, Hokkien, Kantonis dan ada sesetengah daripada mereka bertutur dalam bahasa Inggeris. Akan tetapi, semasa berada di sekolah, murid-murid Cina terpaksa menggunakan BM yang jarang dituturkan di rumah di sekolah kerana perlu menggunakan BM untuk berkomunikasi dengan guru dan kawan Melayu. Situasi ini menyebabkan responden menghadapi masalah bahasa kerana terpaksa menggunakan bahasa-bahasa yang berbeza di sekolah dan di rumah. Menurut Helmi Ahmad (2011), pengaruh bahasa ibunda yang terlalu tinggi menyebabkan murid yang mempelajari BM sebagai B2 mengalami gangguan bahasa dan sekiranya tidak diatasi boleh menyebabkan penguasaan B2 terhalang kerana kanak-kanak tersebut terus dibayangi oleh bahasa ibunda mereka.

Menurut guru BM di SJKC Chung Hwa, semasa subjek BM diajarkan oleh guru, penggunaan bahasa ibunda masih berleluasa sehingga responden melakukan kesalahan ke atas kosa kata BM. Selain itu, responden juga sering melakukan kesalahan morfologi-sintaksis sehingga mengakibatkan BM tidak berada dalam bentuk yang sebenarnya malah wujud dalam bentuk yang pelbagai ragam. Penyerapan struktur bahasa ibunda dalam BM menyebabkan mereka sering melakukan kesalahan kerana struktur bahasa Mandarin berbeza dengan BM. Sebagai contoh, kata sifat dalam bahasa Mandarin diletakkan sebelum kata nama namun dalam BM adalah sebaliknya.

Murid Cina selaku penutur natif bahasa Mandarin sering melakukan kesalahan penggunaan perkataan tertentu kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan yang lengkap tentang wacana medan makna BM (Jamaliah Mohd. Ali, 1990). Berdasarkan kajian yang dilakukan di SJKC Chung Hwa, pengkaji mendapati bahawa penguasaan B2 sering terganggu dalam aspek fonologi iaitu bunyi atau fonem dalam BM kerana kebanyakan responden di SJKC Chung Hwa mengalami kesukaran untuk menyebut fonem /r/ kerana fonem tersebut tidak terdapat dalam bahasa ibunda mereka. Situasi tersebut menyebabkan mereka mengalami ketidaktepatan sebutan.

Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa responden yang memasuki tadika atau prasekolah pada umur 4 tahun mendapat pendedahan awal mengenai B2 berbeza dengan responden yang mula mempelajari BM pada umur 5 dan 6 tahun. Hal ini demikian kerana proses pemerolehan bahasa berlaku secara aktif pada kanak-kanak dalam lingkungan umur dua hingga enam tahun. Hasil daripada penyelidikan bahasa didapati bahawa jangka masa pemerolehan bahasa yang paling kritikal dalam kalangan kanak-kanak ialah antara umur satu tahun hingga lima tahun dan perkembangan bahasa boleh terhalang sekiranya jangka masa ini terlangkau.

Kedua inilah yang menyebabkan wujudnya perbezaan keupayaan berbahasa dalam kalangan murid tersebut. Dalam membantu mereka berbahasa, pendedahan awal bukan sahaja menjadi keperluan malah amat penting bagi kanak-kanak dalam mempelajari B2. Hal ini dijelaskan oleh Mohamad Awang (1979), dalam penulisan separa ilmiah beliau iaitu Tempoh Kritikal dalam Pemerolehan Bahasa dan Perspektif Neurofisiologi. Menurut beliau, kanak-kanak perlu diserang dan didedahkan sebanyak mungkin kepada pengaruh dan rangsangan linguistik dari persekitaran melalui pelbagai konteks, seperti penglihatan, pendengaran dan perasa.

Namun begitu, didapati bahawa responden menunjukkan sikap yang positif untuk mempelajari BM sebagai B2. Apabila seseorang pelajar bahasa menyatakan keinginan mereka untuk mempelajari B2 iaitu selain daripada bahasa ibunda mereka, jelaslah bahawa terdapat hubungkait antara minat pelajar tersebut dengan B2. Contohnya, pelajar menyatakan bahawa mereka minat terhadap bahasa Perancis kerana bahasa tersebut mengandungi unsur-unsur romantik dengan membayangkan penutur jati bahasa itu menzahirkan kata-kata dengan nada yang lembut dan mata yang bercahaya. Selain bahasa Perancis, pelajar juga menyatakan minat terhadap bahasa Jepun kerana bahasa tersebut lembut dan sopan. Keadaan ini menggambarkan pelajar sedang membayangkan pertuturan di antara penutur lelaki atau wanita Jepun yang mengangguk-anggukkan kepala sewaktu berkomunikasi.

Berdasarkan dua situasi tersebut, pengkaji ingin menggambarkan bahawa pelajar berminat untuk mempelajari B2 atas sebab motivasi yang pelbagai. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan pernyataan oleh Gardner (2005), yang menyatakan bahawa kelebihan menguasai dan bertutur dalam pelbagai bahasa terutamanya dalam dunia tanpa sempadan ini merupakan satu aset yang sangat bernilai. Di samping itu, selain mampu meluaskan pengetahuan, kemahiran dalam pelbagai bahasa juga mampu membentuk personaliti seseorang menjadi lebih positif.

1.2 Penyataan Masalah

Faktor ekstralinguistik dalam konteks penyelidikan ini merujuk kepada motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik dalam pencapaian BM pelajar sekolah rendah jenis kebangsaan. Sebelum kajian ini dilaksanakan penyelidik tidak dapat menentukan faktor ekstralinguistik motivasi yang paling dominan sama ada motivasi intrinsik ataupun motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi pencapaian BM pelajar. Motivasi untuk mempelajari B2 bukanlah sesuatu yang mudah kerana melibatkan aspek kognisi, perasaan dan perubahan tingkah laku pembawaan budaya dalam bahasa tersebut. Pakar motivasi seperti Gardner (1959), Lambert (1959) dan Dornyei (1990) menjelaskan bahawa motivasi mampu mempengaruhi pembelajaran B2. Motivasi menjadi pendorong seseorang untuk minat dan menguasai bahasa (Mohd Zaki 2009).

Proses pengajaran dan pembelajaran BM sebagai B2 dalam kalangan murid Cina dalam lingkungan umur 7 hingga 9 tahun merupakan satu cabaran yang sangat besar terhadap warga pendidik di kawasan bandar di daerah Besut. Hal ini demikian kerana, terdapat beberapa faktor yang menjadi penghalang terhadap penguasaan B2 antaranya ketiadaan ciri-ciri motivasi yang tinggi sama ada motivasi intrinsik ataupun motivasi ekstrinsik.

Menurut Gardner (1983), faktor motivasi menjadi penentu terhadap kejayaan seseorang dalam penguasaan sesuatu bahasa. Tahap motivasi yang lemah telah menyebabkan murid memandang rendah dan beranggapan bahawa BM merupakan mata pelajaran yang tidak penting dan tidak mampu memberikan jaminan peluang pekerjaan telah menyukarkan lagi penguasaan B2. Oleh sebab itu, mereka bersikap sambil lewa dan menunjukkan sikap yang kurang berminat serta tidak berusaha untuk menguasai BM sebagai B2 sedangkan proses penguasaan B2 memerlukan latihan yang berterusan serta tumpuan sepenuhnya semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, kurangnya pendedahan terhadap BM seperti kurang membaca buku dalam BM dan kurang berkomunikasi dalam BM juga menyebabkan timbulnya sikap negatif terhadap pembelajaran BM sebagai B2. Kebanyakan murid Cina lebih gemar membaca buku bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris berbanding buku BM kerana mereka menganggap buku yang ditulis dalam BM sukar untuk difahami. Hal ini demikian kerana, buku yang ditulis dalam BM menggunakan struktur tatabahasa yang gramatis dan ayat yang kompleks.

Seterusnya, kelemahan dalam penguasaan BM sebagai B2 dalam kalangan murid Cina juga adalah berpunca daripada pengajaran yang kurang menarik serta gagal merangsang motivasi murid dalam proses pembelajaran. Semasa menjalankan kajian, penyelidik mendapati aspek-aspek yang terdapat dalam Teori Motivasi Robert C. Gardner 2005 yang menyumbang kepada motivasi terutamanya sikap terhadap situasi pembelajaran tidak dititikberatkan. Hal ini demikian kerana, guru tidak dapat menentukan sama ada murid tersebut lebih bermotivasi intrinsik ataupun ekstrinsik bagi merangsang minat mereka terhadap pembelajaran B2.

Kebanyakan kajian motivasi terhadap penguasaan BM sebagai B2 dalam kalangan penutur bukan Melayu tidak menjelaskan motivasi yang paling dominan dan hanya tertumpu kepada pelajar di IPTA sahaja seperti kajian Ayuni Mohamad Bakari dan Rohaidah Kamaruddin (2016). Hasil kajian mereka mendapati bahawa penutur asing telah dimotivasikan secara intrinsik dan juga ekstrinsik. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Ainol Madziah Zubairi & Isarji Hj Sarudin (2009) pula menyatakan bahawa faktor ekstrinsik dan intrinsik telah menyebabkan pelajar sangat bermotivasi untuk mempelajari sesuatu bahasa itu.

Oleh itu, kajian ini bermatlamat untuk menentukan motivasi yang paling dominan samada motivasi intrinsik ataupun motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi pencapaian BM pelajar sekolah rendah jenis kebangsaan. Selain itu, kajian ini juga menjelaskan kepentingan motivasi yang menjadi pendorong kepada semangat intrinsik dan ekstrinsik diri pelajar dalam pembelajaran BM.

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian penyelidikan ini adalah seperti yang berikut :

- i. Apakah faktor ekstralinguistik motivasi yang mempengaruhi pelajar dalam pencapaian BM sebagai B2?
- ii. Apakah faktor ekstralinguistik motivasi yang paling dominan sama ada motivasi intrinsik ataupun motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi pencapaian BM sebagai BM pelajar yang dikaji?

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian penyelidikan ini adalah seperti yang berikut :

- i. Mengenal pasti faktor ekstralinguistik motivasi yang mempengaruhi pelajar dalam pencapaian BM sebagai B2.
- ii. Menganalisis jenis faktor ekstralinguistik motivasi yang paling dominan dalam mempengaruhi pencapaian BM pelajar yang dikaji.

1.5 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai beberapa kepentingan sama ada kepada penyelidik atau pihak-pihak yang terlibat. Kepentingan sesuatu kajian memberi implikasi yang besar dalam memperbaiki sesuatu masalah atau situasi bagi kajian yang dijalankan. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini juga turut mempunyai beberapa kepentingan yang boleh dimanfaatkan oleh pihak-pihak tertentu dalam meningkatkan tahap perkembangan pendidikan di negara ini.

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor ekstralinguistik motivasi yang paling dominan sama ada motivasi intrinsik ataupun motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi pencapaian pelajar yang dikaji. Adalah penting untuk mengetahui jenis motivasi yang menjadi pilihan utama pelajar. Motivasi integratif, motivasi instrumental dan motivasi pengiktirafan kumpulan sosial merupakan motivasi yang dikatakan mempengaruhi pembelajaran B2 pelajar. Kemahuan untuk menyertai hidup masyarakat yang menuturkan B2 yang dipelajari oleh seseorang merupakan motivasi integratif. Kemahuan untuk menggunakan bahasa yang dipelajari untuk tujuan praktikal seperti mendapatkan pekerjaan merupakan motivasi instrumental. Seterusnya, motivasi pengiktirafan kumpulan sosial pula ialah menguasai kemahiran bahasa yang dituturkan oleh kumpulan sosial yang tertentu.

Seterusnya, motivasi yang bersesuaian akan meningkatkan semangat persaingan yang sihat antara individu. Persaingan yang sihat ini sangat bagus bukan sahaja mampu meningkatkan persaingan diri sendiri malah secara tidak langsung dapat memotivasikan individu supaya terus berusaha demi mencapai kemajuan diri. Misalnya, guru memberi kuiz, ujian kecil dan permainan ini sebenarnya dapat

merangsang murid melalui permainan yang diadakan itu kerana dari situlah murid dapat melahirkan semangat tidak mengaku kalah dan murid juga akan mengaplikasikan sikap yang terus berjuang demi kejayaan ini dalam pencapaian akademik dan kehidupan sehariannya.

Pemberian ganjaran sebagai motivasi yang bersesuaian juga akan menghasilkan pembelajaran yang menggembirakan terutama sekali bagi murid yang lemah dalam pencapaian sesuatu mata pelajaran. Pemberian ganjaran seperti pujian dan hadiah atas pencapaian kemajuan murid, secara tidak langsung dapat merangsang semangat ingin terus maju ke hadapan. Selain ganjaran tersebut, sentuhan pada kepala, tepukan pada bahu ataupun teguran-teguran yang rasional dan ikhlas yang diberikan oleh guru kepada murid juga mampu merangsang minat pelajar terhadap pembelajaran. Oleh itu, dengan penambahan minat terhadap matapelajaran tersebut, maka pembelajaran juga dapat ditingkatkan.

1.6 Skop Kajian

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji faktor ekstralinguistik motivasi paling dominan sama ada motivasi intrinsik ataupun motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi pencapaian BM dalam kalangan murid Cina di Terengganu. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik Attitude Motivation Battery Test (AMTB) (Robert C. Gardner, 2005). Teori Motivasi Gardner (2005) digunakan sebagai kerangka teori kajian. Kajian ini dijalankan terhadap murid-murid Cina darjah Tiga yang sedang belajar di SJKC Chung Hwa, Jerteh, Terengganu. Seramai 40 orang murid Cina dipilih untuk dijadikan responden kajian ini dan kebanyakkan daripada mereka fasih bertutur menggunakan BM dialek Terengganu walaupun tinggal di daerah Besut. Hal ini demikian kerana, terdapat dua pembahagian dialek di daerah Besut yang merupakan sempadan di antara negeri Terengganu dan Kelantan. Majoriti penduduk di daerah Besut ini bertutur menggunakan kedua-dua dialek iaitu dialek Terengganu dan juga dialek Kelantan. Walau bagaimanapun, penggunaan dialek Terengganu lebih menyerlah berbanding dialek Kelantan dalam kalangan murid Cina di SJKC Chung Hwa.

1.7 Definisi Operasional

Berdasarkan tajuk kajian, iaitu pengaruh faktor ekstralinguistik dalam pencapaian BM murid SJKC di Terengganu, pengkaji mengemukakan definisi operasional seperti yang berikut :

Faktor Ekstralinguistik

Berdasarkan kajian faktor ekstralinguistik oleh Rohaidah Kamaruddin (2012), terdapat beberapa unsur ekstralinguistik seperti motivasi, emosi, sikap dan personaliti yang turut memainkan peranan penting dalam pembelajaran bahasa. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya berfokus kepada faktor motivasi sahaja.

Motivasi (Robert Gardner, 2005)

Terdapat beberapa konsep motivasi yang diambil kira dalam kajian ini iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik, motivasi integrasi dan motivasi instrumental serta motivasi berdasarkan keperluan, emosi dan motif.

Pencapaian Bahasa Melayu

Kumpulan murid Cina daripada sebuah sekolah yang terdiri daripada dua buah kelas iaitu kelas pertama dan kelas kedua yang mendapat keputusan yang cemerlang dan sederhana dalam matapelajaran BM dalam peperiksaan pertengahan tahun 2017.

Pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Di Terengganu

Murid-murid Cina yang mampu menguasai BM dengan baik dan juga yang sederhana. Kebanyakan daripada mereka menggunakan BM dialek Terengganu sepenuhnya dalam percakapan harian terutama ketika bergaul dengan kaum Melayu. Namun begitu, penggunaan pertuturan yang fasih ini belum tentu dapat memastikan sama ada pelajar kajian ini mampu menjawab soalan peperiksaan bagi matapelajaran BM dengan cemerlang kerana bahasa pertuturan berbeza dengan bahasa penulisan.

RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad dan Wan Mohamad Wan Sulong. 2006. Antara minat dan sikap pelajar terhadap Bahasa Arab: Satu kajian kes ke atas pelajar Sarjana Bahasa Arab di IPTA Malaysia. Dlm. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-5*, 9-18. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Hakim Abdullah et al. 2014. Faktor-faktor yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Peringkat Menengah Rendah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Naim Lilbanat, Kota Bharu Kelantan. *Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014*.
- Abdul Rahim Abu & Mohd Sharifudin Yusop. 2014. Sikap kanak-kanak Orang Asli di bandar raya Kuala Lumpur terhadap penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (2): 57-66.
- Afifah Puteri. 2013. *Perbedaan Ragam Bahasa Lisan dan Ragam Bahasa Tulis*. 13 Januari 2018 <https://afifahputeri.wordpress.com/2013/10/19/perbedaan-ragam-bahasa-lisan-dan-ragam-bahasa-tulis/>
- Ainol Madziah Zubairi Dan Isarji Hj. Sarudin. 2009. Motivation to Learn Foreign Language in Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies* 9(2): 73-87.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. 2002. *Guru sebagai Pendorong Dalam Darjah*. Kuala Lumpur : PTS Publicators & Distributing Sdn. Bhd.
- Ang Lay Hoon & Che Radiah Mezah. 2012. Masalah penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar etnik Cina di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 5(2): 215-226.
- Anja Schuppert, Charlotte Gooskens (2011). The Role of extralinguistic factors in reception bilingualism: evidence from Danish and Swedish pre-schoolers. *International Journal of Bilingualism*. University of Groningen, The Netherlands.
- Archibald, J., Roy, S., Harmel, S., & Jasney, K. 2004. *A Review of the literature on second language learning*. Project Penyelidikan. Language Research Centre. University of Calgary.
- Ayuni Mohamad Bakari dan Rohaidah Kamaruddin. 2016. Faktor Ekstralinguistik: Motivasi dalam pembelajaran Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Asing di 5 Universiti di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)*. 4 (2): 83-92.
- Azarudin Awang, & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. 2016. Perkaitan Akulturasi Budaya dan Hubungan antara Agama: Kajian terhadap Komuniti Cina Pra Konversi di Negeri Terengganu. *Jurnal Hadhari* 8 1: 85-102.
- Azizi dan Jaafar Sidek. 2006. *Siri Kaunseling: Membentuk Identiti Remaja*. Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya et al. (2006). *Menguasai Penyelidikan: Teori, Analisis & Interpretasi Data*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Bahagian Perkembangan Kurikulum. 2010. *KSSR: Kurikulum Standard Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Batik Bidin. 2011. *Stail Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Peribumi di Sarawak*. Tesis Doktor Falsafah. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

- Brown, H. Douglas. 1980. *Principle of Foreign Language Learning and Teaching*. Englewood Cliffs : Prentice Hall.
- Bruner, J. S. (1966). *Toward a Theory of Instruction*. New York: Horton.
- Carroll, J. B. (1963). *A model of school learning*. Teachers College Record, 64, 723-733.
- Chew Fong Peng. 2016. Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu –JPBM (Malay Language Education Journal –MyLEL)*. Vol. 6, Bil. 2: 10-22.
- Dayang Sufilkawany Ujai, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2017. Pengaruh Faktor Sosial dalam Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu–JPBM (Malay Language Education Journal –MyLEJ)*. Vol. 7, Bil. 1: 74-84.
- Deci, E & Ryan, R .1985. *Intrinsic Motivation and Self Determination in Human Behavior*. New York : Plenum Press.
- Deci, E. L., Vallerand, R. J., Pelletier, L. G., dan Ryan, R. M. 1991. *Motivation and education: self-determination perspective*. Education Psychologist. 26 (3&4): 325–346.
- Dornyei, Z. & Otto, I. 1998. *Motivation in Action: A Process Model of L2 Motivation*. Working Papers in Applied Linguistics, 4, 43-69.
- Dornyei, Z. 1990. *Conceptualizing Motivation in Foreign-Language Learning*. A Journal of Research in Language Studies. Vol. 40: 45-78.
- Dwi Hastuti Pungkasari. 2014. *Konsep Reward and Punishment dalam Teori Pembelajaran Behavioristik dan Relevansinya dengan Pendidikan Islam*. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Fairosnita Ibrahim, & Kamarul Shukri Mat Teh. 2015. *Pengaruh Permainan Bahasa terhadap Motivasi Murid Sekolah Rendah dalam Pembelajaran Perbendaharaan Kata Bahasa Arab*. Tinta Artikulasi Membina Ummah 1(2): 41-50.
- Gardner, R. C. 1985. *Social Psychology and language learning: The role of attitudes and motivation*. London: Edward Arnold (p.10).
- Gardner, R. C. 2005. *Integrative Motivation and Second Language Acquisition*. Canadian Association of Applied Linguistics/Canadian Linguistics Association Joint Plenary Talk. London, Canada : The University of Western Ontario.
- Gardner, R. C., & Lambert, W. E. (1959). *Motivational variables in second language acquisition*. Canadian Journal of Psychology.
- Glazer, R. (1976). *Components of a psychology of instruction: Toward a science of design*. Review of Educational Research, 46, 1-24.
- Gooskens, C. 2006. *Linguistics and extra-linguistics predictors of inter- Scandinavian communication*. In J. van de Weijer and B. Los (eds) Linguistics in the Netherlands 23 (pp. 101/113). Amsterdam: John Benjamins.
- Husna Hidayah Mansor dan Rohaidah Kamaruddin. 2016. Personaliti sebagai Faktor Ekstralinguistik yang Mempengaruhi Pembelajaran Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Asing. *International Journal of the Malay Wolrd and Civilisation (IMAN)*. 4 (1): 105-113.
- Jamaliah Mohd. Ali. 1990. Analisis Kontrastif dan Analisis Kesalahan. *Jurnal Dewan Bahasa* 34(5): 333-339.
- Jerie anak Peter Langan dan Zamri Mahamod. 2011. Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(1): 13-25.

- Jumiyah Ahmad. 2014. *Masalah Pembelajaran dan Penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Murid-Murid Kensi: Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Kamaruddin Hussin. 1993. *Pengajaran lisan : Kemahiran mendengar dan bertutur*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Kamarul Shukri Mat Teh dan Mohamed Amin Embi. (2009). Korelasi Strategi Dengan Motivasi Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan* Jil. 24, pp. 109-123.
- Kamiliah Ayu Ab. Ghani & Zamri Mahamod. 2015. Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Bukan Melayu. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu*. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Keller, J. M. (1983). *Motivational design of instruction*. In C. M. Reigeluth (Ed.), *Instructional Design Theories and Models* (pp 386-433). Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Khairul Zaim Mohd Shaari. 2010. *Memperdanakan Bahasa Melayu di kalangan Pelajar Asing di Malaysia*. <http://zaimpejuangmudamelayu.blogspot.my/2010/03/memperdanakan-bahasa-melayu-di-kalangan.html>
- Lightbown, P.M. & Spada, N. 1999. *How Languages are Learned*. Oxford: Oxford University Press.
- Linamalini Mat Nafi, & Kamarul Shukri Mat The. 2014. Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua: Satu Kajian di Institusi Pengajian Tinggi Kelantan. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab*. Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA.
- Mardian Shah Omar, & Marniyati Mohd Nor. 2011. Meningkatkan dan Memperkasa Pengajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa di IPTS. *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu*. Universiti Putra Malaysia.
- McLaughlin, B. 1987. *Theories of second language learning*. London:Edward Arnold.
- Misnan Jemali. 1999. *Hubungan Antara Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Menengah Rendah di Negeri Perak*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Awang. 1979. Tempoh Kritikal dalam Pemerolehan Bahasa dan Perspektif Neurofisiologi. *Jurnal Dewan Bahasa*.
- Mohamad Hakim. 2010. *Isu Bahasa Melayu yang terpinggir*. <http://nantaboganusantara.blogspot.com/2010/02/isu-bahasa-melayu-yang-terpinggir.html>
- Mohamad Yazid Mohamad. 2016. *Kekerapan penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah jenis kebangsaan Cina*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Rizal Mohd Said & Rehan Mohd Taha. 2010. *Tinjauan terhadap Faktor-Faktor yang Memberi Motivasi kepada Kreativiti Guru dalam Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup di Enam Buah Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Roslan Mohd Nor & Haryati Hasan. 2011. Kebolehan Bahasa Masyarakat Cina Peranakan Kelantan. *Jurnal Usuluddin Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Mohd Zaki Ahmad. 2009. *Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama*. Tesis Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Mohd. Helmi Ahmad. 2011. Gangguan Bahasa Ibunda. *Jurnal Dewan Bahasa*. 10, 32-34.
- Nadzalinda Kamsur. 2015. *Tahap Penguasaan, Sikap dan Minat Pelajar Kolej Kemahiran Tinggi Mara Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Inggeris*. Tesis Master, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ningsihwidiya. 2013. *Teori Motivasi, Konsep Motivasi dan Jenis Motivasi*. <https://ningsihwidiya42.wordpress.com/2013/09/26/teori-motivasi-konsep-motivasi-dan-jenis-motivasi/>
- Noels, K. A. 2002. *New Orientations in Language Learning Motivation: Towards a Model of Intrinsic, Extrinsic and Integrative Orientations and Motivation*. Dlm. *Motivation and Second Language Acquisition*, disunting oleh Dornyei, Z. & Richards, S., 43-68. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Noels, K.A. 2001. *New orientations in language learning motivation: Toward a contextual model of intrinsic, extrinsic, and integrative orientations and motivation*. Dalam Z. Dornyei & R. Schmidt (ed.) *Motivation and Second Language Acquisition* (hlm. 43-68). Honolulu: University of Hawaii Second Language Teaching and Curriculum Center.
- Noor Aina Dani. 2007. *Pengantar Psikolinguistik*, Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Nursidah Ab.Hamid, Fairrose Sulaiman, & Jamaludin Badusah. 2010. *Kelemahan Tatabahasa Pelajar Cina dalam Penulisan Karangan di Peringkat Menengah Rendah*. Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://www.scribd.com/doc/152028060/Kajian-Kelemahan-Tatabahasa-Pelajar-Cina-Dalam-Karangan>
- Nurul Ain Hamsari dan Azizi Yahaya. 2012. Peranan motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap dengan pencapaian akademik. *Journal of Education Psychology & Counseling* 5: 30-57.
- Osman Khalid. 1993. *Pengajian Bahasa Arab di sekolah-sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia*. dalam Ismail Ab Rahman, Abd Aziz @ Ahmad dan Mohd Yasin Muda (pnyt). *Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia : Cabaran dan Harapan*(hlm. 210-217). Kuala Terengganu: Penerbit Kolej Agama Sultan Zainal Abidin.
- Oxford, R. L. and Shearin, J. 1994. Language learning motivation: expanding the theoretical framework. *The Modern Language Journal* 78:12-28.
- Ramirez JM. 1991. *Cultural and Sex Differences in aggression: A comparison between Japanese and Spanish students using two different inventories; Aggressive Behavior*, 2001. Wiley Online Library.
- Roasharimah Ibrahim. 2017. *Faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi penguasaan Bahasa Melayu murid-murid Cina*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohaidah Kamaruddin. 2012. *Hubungan faktor ekstralinguistik bahasa kedua dengan pencapaian Bahasa Melayu pelajar-pelajar Melayu di Negeri Sembilan*. Tesis Doktor Falsafah. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Rohani Abdullah. 2001. *Perkembangan kanak-kanak*, Penilaian secara portfolio Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Schmidt, R. (2010). *Attention, awareness, and individual differences in language learning*. In W. M. Chan, S. Chi, K. N. Cin, J. Istanto, M. Nagami, J. W. Sew, T. Suthiwan, & I. Walker, *Proceedings of CLaSIC 2010*, Singapore,

- December 2-4 (pp. 721-737). Singapore: National University of Singapore, Centre for Language Studies.
- Siti Saniah Abu Bakar, & Sharala Subramaniam. 2012. Pengaruh Motivasi Instrumental dan Integratif dalam Pemilihan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Penutur Asing. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*. Vol. 2, Bil. 2: 54-61.
- Siti Shamsiah. 2011. Sampah dan pencemaran bahasa. Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan. *Artikel Bahasa Malaysia*. Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Siti Sukainah Che Mat & Melor Md. Yunus. 2014. Attitudes and motivation towards learning english among FELDA school students. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences* 8 (5): 1-8.
- Sofian Muhammad & Zainal Abidin Abd. Kadir. 1986. *Ke arah Sistem Pengajaran Bahasa Arab. Dlm. Mahayuddin Hj. Yahya (pnyt.) Islam dan Pembangunan Negara* (hlm. 76-85). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Stern, H.H. 1975. *What can we learnt from the good language learner?* Canadian Modern Language Review, 31, 304-18.
- The Free Dictionary diambil daripada <http://www.thefreedictionary.com/>
- Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, & Vijayaletchumy Subramaniam. 2014. Daya kreativiti kanak-kanak: Satu kajian kes. *Procedia- Social and Behavioral Sciences* 134: 436-445.
- Yashima, T. (2002). Willingness to communicate in a second language: The Japanese EFL Context. *The Modern Language Journal*, 86, 54-56.
- Yashima, T., Zenuke-Nishide, L., & Shimizu, K. (2004). *The influence of attitudes and effect on willingness to communicate and second language communication*. *Language Learning*, 54, 119-152.
- Yong Chyn-Chye, Vijayaletchumy Subramaniam & Chan Tze-Haw. 2013. Peranan faktor ekstralinguistik dalam pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing. *Jurnal PENDETA*, 4: 231-244.
- Zaliza Mohamad Nasir Dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2014. Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia- Social and Behavioral Sciences* 134: 408-415.
- Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu Ab. Ghani, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2016. Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina berdasarkan Sikap dan Kemahiran Bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu –JPBM (Malay Language Education Journal –MyLEJ)*. Vol. 6, Bil. 1: 38-51.
- Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi. 2015. Kepelbagaian pelajar dan perbezaan pembelajaran. Kuala Lumpur: *Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Zamri Mahamod. 2004. *Strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah*. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod. 2015. Strategi pembelajaran: Inventori cara belajar Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: *Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Zamri Mahamod. 2016. *Psikolinguistik dan pengajaran bahasa*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

BIODATA PELAJAR

Masitah binti Muhammadin dilahirkan pada 5 Disember 1992 di Besut, Terengganu. Beliau merupakan anak ketiga daripada empat orang adik-beradik dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Darau bermula dari tahun 1999 hingga 2004. Kemudian, meneruskan pengajian di peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Mahmud dari tahun 2005 hingga tahun 2009. Seterusnya menyambung pengajian di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) di Sekolah Menengah Kebangsaan Putra dari tahun 2010 hingga 2012. Berbekalkan keputusan STPM, beliau kemudiannya menyambung pengajian di peringkat Ijazah pertama dalam jurusan Bahasa dan Linguistik Melayu di Universiti Putra Malaysia pada tahun 2012. Seterusnya melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana dalam Bahasa Melayu di universiti yang sama pada tahun 2016.

PENERBITAN

Jurnal

Masitah Muhammadin, Rohaidah Kamaruddin dan Sharil Nizam Sha'ri. (2018). *Penggunaan Bahasa Melayu pada Papan Nama Premis Perniagaan di Sekitar Bandaraya Kuala Terengganu*, dlm Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu. Jil 6, Bil 1/2018 (hal. 41-50).





UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

FAKTOR EKSTRALINGUISTIK PENCAPAIAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID CINA

NAMA PELAJAR : MASITAH BINTI MUHAMMADIN

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (v)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyelesaian)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]